



5

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

LAPORAN EKONOMI **2013/2014**

Perkembangan Monetari Dan Kewangan

Tinjauan

Sektor kewangan yang berdaya tahan dan menyokong pertumbuhan

Dalam persekitaran ekonomi global yang terus lemah dan tidak menentu, pertumbuhan ekonomi domestik telah dipacu oleh penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan yang mantap. Walaupun inflasi terus meningkat dengan stabil sejak awal tahun ini, ia kekal rendah dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Dasar monetari dalam tempoh ini memberi tumpuan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi sementara inflasi kekal terkawal. Memandangkan pertumbuhan global dan persekitaran domestik yang masih perlahan, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00% dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pada 4.00%.

Berikutan ekonomi domestik terjejas disebabkan oleh persekitaran luaran yang berterusan lemah, kadar pembiayaan yang disalurkan melalui institusi kewangan dan pasaran modal menjadi sederhana tetapi terus menyokong pengembangan aktiviti ekonomi dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Pada suku pertama 2013, keadaan dalam pasaran kewangan global bertambah baik berikutan pihak berkuasa monetari terus mengekalkan dasar yang akomodatif bagi mengukuhkan pemulihan ekonomi global. Setelah itu, pasaran kewangan global telah mengalami peningkatan volatiliti yang disebabkan oleh ketidaktentuan dalam pelarasan dasar kewangan di negara-negara maju. Walau bagaimanapun, sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan dengan institusi kewangan yang teguh dan mempunyai permodalan kukuh, dan pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk menyokong aktiviti ekonomi. Pada akhir Ogos 2013, sistem perbankan mencatatkan tahap nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 pada 12%, nisbah modal kumpulan 1 pada 12.8%

dan nisbah jumlah modal pada 14.1%. Tahap ini adalah jauh melebihi tahap minimum kawal selia di bawah rangka kerja kecukupan modal Basel III, yang telah dilaksanakan bermula 1 Januari 2013.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, pasaran sukuk global berkembang 32.6% berbanding tempoh yang sama pada 2012. Dengan tahap kecairan yang tinggi dalam pasaran sukuk, Malaysia semakin menarik minat penerbit sukuk asing bagi meneroka pasaran sukuk domestik. Malaysia kekal menjadi peneraju global dalam terbitan sukuk, mencakupi 70.5% atau USD53 bilion daripada terbitan sukuk baharu di dunia. Pada akhir Ogos 2013, Bursa Malaysia mengekalkan kedudukan teratas bagi penyenaraian sukuk yang berjumlah USD32.3 bilion. Pada Julai 2013, pasaran sukuk menyaksikan suatu perkembangan penting dengan penerbitan sulung Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) di bawah struktur Murabahah. TPK berdasarkan kontrak Murabahah adalah sijil keberhutangan yang terhasil daripada transaksi jualan aset tertunda, seperti komoditi (terutamanya minyak sawit mentah), yang telah ditambahkan keuntungan yang mematuhi prinsip Syariah. Terbitan TPK yang bernilai RM4 bilion ini telah terlebih langganan sebanyak 2.9 kali.

Pada awal 2013, sebuah konglomerat multinasional Malaysia, salah satu syarikat perladangan terbesar dunia dengan portfolio perniagaan yang pelbagai, telah diberi kelulusan untuk menjalankan Program Penerbitan Sukuk Pelbagai Mata Wang bernilai USD1.5 bilion. Program sukuk ini adalah yang pertama seumpamanya dijalankan oleh sebuah korporat Asia di bawah prinsip Syariah Ijarah dan diberi penarafan antarabangsa. Penarafan korporat yang diberikan oleh Standard & Poor's, Fitch Ratings dan Moody's adalah lebih tinggi atau setara dengan penarafan Kerajaan Malaysia.

Perkembangan Monetari

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Pada tahun 2013, **dasar monetari** terus menyokong kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang mampan. OPR yang tidak berubah pada 3.00% sejak Mei 2011, dikekalkan pada paras yang sama dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 dalam keadaan permintaan luar negeri yang lemah berikutan pertumbuhan ekonomi global yang masih perlahan. Dasar semasa ini adalah bersesuaian dengan prospek pertumbuhan ekonomi serta inflasi dan akan terus dinilai berdasarkan kesan perkembangan ekonomi dan kewangan global ke atas ekonomi domestik. Di samping itu, SRR juga dikekalkan pada paras 4.00% sejak pelarasan terakhirnya pada Julai 2011.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar faedah dalam sistem perbankan kekal stabil seiring dengan OPR yang tidak berubah dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Kadar pinjaman asas bank perdagangan berada pada 6.53% pada akhir Ogos 2013, tidak berubah sejak Disember 2011. Sementara itu, kadar pinjaman purata berwajaran bagi bank perdagangan terus mencatatkan paras yang lebih rendah pada 5.42% pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 5.52%). Kadar faedah purata deposit simpanan adalah pada 1.02% pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 1.03%), sementara kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan adalah stabil dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, antara 2.91% dan 3.15% (akhir 2012: 2.92% dan 3.15%). Kadar pulangan benar bagi semua tempoh matang deposit tetap adalah positif berikutan inflasi kekal rendah.


Agregat monetari terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. M1 atau wang secara kecil, naik 10.3% pada akhir

CARTA 5.1

Agregat Monetari

(% perubahan tahunan)



¹ Akhir Ogos 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Ogos

	Perubahan (RM bilion)	
	2012	2013
M3	82.7	81.1
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.7	19.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	92.6	66.6
Pinjaman	77.4	66.0
Sekuriti	15.2	0.6
Aset asing bersih	15.8	6.0
Bank Negara Malaysia	7.8	0.8
Sistem perbankan	7.9	5.2
Pengaruh lain	-24.0	-10.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Ogos 2013 (akhir 2012: 11.9%). Sementara itu, M3 atau wang secara luas, meningkat RM81.1 bilion dan mencatatkan pertumbuhan 8.3% pada akhir Ogos 2013, terutamanya didorong oleh aktiviti pembiayaan sistem perbankan kepada sektor swasta (akhir 2012: RM111.2 bilion; 9%).

Ringgit menyusut nilai

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, **ringgit** menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau. Permintaan bagi ringgit dan mata wang serantau kebanyakannya dipengaruhi oleh perkembangan di AS dan kawasan euro, langkah rangsangan oleh bank-bank pusat negara maju serta prospek pertumbuhan dan eksport serantau. Dalam tempoh Januari hingga pertengahan Mac, kedudukan ringgit dan kebanyakan mata wang serantau adalah lemah berbanding dolar AS, terutamanya disebabkan oleh kebimbangan pasaran terhadap perkembangan di Eropah khususnya krisis perbankan di Cyprus serta kemungkinan penarikan semula langkah pelonggaran kuantitatif yang lebih awal di AS. Kebimbangan ini telah mengakibatkan penarikan dana daripada aset pasaran membangun yang berkembang pesat. Dalam tempoh ini, prestasi ringgit juga dipengaruhi oleh ketidakpastian domestik berikutan pelabur kekal berwaspada menjelang Pilihan Raya Umum ke-13. Pada akhir Mac, nilai ringgit jatuh 1% berbanding dolar AS tetapi naik berbanding paun sterling (5.2%), euro (2%) dan yen (8.4%). Nilai ringgit menyusut antara 0.3% dan 5.3% berbanding kebanyakan mata wang serantau.


Dalam tempoh April hingga awal Mei, nilai ringgit naik berbanding dolar AS apabila sentimen pelabur dirangsang oleh kejayaan Cyprus mencapai persetujuan bantuan kewangan pada saat akhir bagi menyelamatkan sektor kewangannya dan mengelakkan kemungkinan pengundurannya daripada Kesatuan Eropah. Nilai ringgit juga mengukuh apabila ketidakpastian pra-pilihan raya reda selepas barisan pemerintah memenangi Pilihan Raya Umum ke-13. Nilai

ringgit mencecah paras bawah RM3.000 bagi satu dolar AS buat kali pertama dalam tahun 2013, dengan mencatatkan RM2.9675 pada 6 Mei dan terus mengukuh kepada RM2.9645 pada 9 Mei. Nilai ringgit ini merupakan paras paling kukuh berbanding dolar AS dari tempoh awal tahun sehingga akhir Ogos 2013.

Bagaimanapun, trend meningkat ini berubah sejak pertengahan Mei hingga Ogos 2013 berikutan ketidakpastian yang muncul semula mengenai langkah pengurangan rangsangan oleh Rizab Persekutuan AS (Fed) selepas ekonomi AS terus menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Ketidakpastian ini membawa kepada satu lagi pusingan penarikan dana daripada pasaran kewangan serantau. Secara keseluruhan, dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, nilai ringgit jatuh 7.3% berbanding dolar AS, 3.5% berbanding paun sterling dan 7.5% berbanding euro, tetapi

CARTA 5.2

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

meningkat 5.9% berbanding yen. Bagaimanapun, nilai ringgit juga turun antara 2.7% hingga 8.9% berbanding baht Thai, dolar Singapura, won Korea dan renminbi China. Bagaimanapun, nilai ringgit meningkat antara 0.7% dan 7.7% berbanding peso Filipina, rupiah Indonesia dan dolar Australia.

Dalam September, nilai ringgit meningkat 1.3% berbanding dolar AS pada RM3.2575 setelah pasaran mengambil kira penangguhan pengurangan langkah rangsangan oleh Fed. Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai antara 0.2% dan 2.8% berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau dalam tempoh tersebut.

Pengemaskinian Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Langkah lanjutan liberalisasi telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 bertujuan meningkatkan daya saing ekonomi dan membangunkan pasaran kewangan domestik selaras dengan teras Pelan Sektor Kewangan, iaitu:

- (a) bagi menggalakkan lagi pembangunan pasaran kewangan domestik melalui peningkatan inovasi produk:
 - (i) pemastautin dibenarkan untuk melabur dalam aset mata wang asing tempatan yang ditawarkan oleh pemastautin yang lain;
 - (ii) pemastautin dibenarkan untuk menerbitkan sebarang sekuriti dengan syarat penerbitan sekuriti hutang kepada bukan pemastautin adalah tertakluk kepada peraturan semasa mengenai peminjaman dengan bukan pemastautin; dan
 - (iii) bukan pemastautin dibenarkan untuk menerbitkan sekuriti mata wang asing di Malaysia.

Kelonggaran ini juga akan menambahkan kedalaman dan keluasan pasaran modal domestik dengan mempromosikan Malaysia sebagai pusat originasi.
- (b) bagi menyokong perkembangan pasaran kewangan Islam melalui aliran aktiviti kewangan Islam rentas sempadan yang lebih besar dan penggunaan pengantara kewangan Islam yang lebih luas, pengendali takaful pemastautin dibenarkan untuk membuat pelaburan di luar negeri bagi sebarang amaun bagi pihak pelanggan pemastautin mereka.
- (c) bagi meningkatkan lagi aktiviti pengurusan risiko:
 - (i) pemastautin dibenarkan untuk menjalankan aktiviti jangkaan lindung nilai yang melibatkan ringgit bagi urus niaga akaun kewangan dengan bank tempatan berlesen;
 - (ii) bukan pemastautin dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti jangkaan lindung nilai yang melibatkan ringgit untuk transaksi akaun semasa dengan bank tempatan berlesen; dan
 - (iii) bukan pemastautin dibenarkan untuk melindungi nilai dedahan ringgit bagi aktiviti pelaburan dalam ringgit yang dibuat sebelum 1 April 2005 dengan bank tempatan berlesen, dan fleksibiliti semasa untuk melindungi nilai pelaburan ringgit yang dilaksanakan mulai 1 April 2005.
- (d) bagi meningkatkan kecekapan pengawalseliaan:
 - (i) pengendali takaful pemastautin dan penanggung insurans pemastautin adalah bebas untuk membuat pelaburan di luar negara untuk akaun mereka sendiri; dan
 - (ii) entiti yang berdaftar dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan diklasifikasikan sebagai bukan pemastautin secara automatik.

Perkembangan Sektor Kewangan

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, sistem perbankan dan pasaran modal terus diperkukuh bagi memudahkan dan memangkin pertumbuhan ekonomi sejajar dengan peralihan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju. Pengantaraan kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi dengan jumlah pinjaman terkumpul dalam sektor perbankan meningkat 9.3% kepada RM1,180.3 bilion pada akhir Ogos 2013. Sementara itu, jumlah pembiayaan terkumpul institusi kewangan pembangunan (IKP) naik 8.5% kepada RM117 bilion, terutamanya kepada sektor ekonomi yang strategik. Pembiayaan mikro juga diperluaskan melalui Skim Pembiayaan Mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) untuk menyokong perniagaan mikro.

Pasaran modal kekal sebagai sumber pembiayaan yang penting bagi syarikat dengan jumlah bon swasta terkumpul pada RM415.3 bilion dan permodalan pasaran ekuiti meningkat kepada RM1,598.8 bilion pada akhir Ogos 2013. Pada Januari 2013, satu kelas aset sukuk baharu dilancarkan di Bursa Malaysia dan menjadikan sukuk dan bon ditawarkan kepada semua pelabur buat pertama kali. Sukuk Runcit Danainfra yang diterbitkan oleh Danainfra Nasional Berhad digunakan bagi membiayai sebahagian projek MY Rapid Transit (MRT) yang sedang dilaksanakan.

Malaysia terus menjadi pusat global bagi kewangan Islam dengan pasaran sukuk utama yang mendalam dan pasaran sekunder yang aktif, mekanisme penemuan harga yang cekap, kepelbagaian kumpulan tenaga mahir dengan keupayaan global, dan sistem penjelasan dan penyelesaian pelbagai mata wang yang cekap. Tambahan pula, keperluan perundangan dan kehematan dalam industri kewangan Islam yang disokong oleh prinsip Syariah akan dijelaskan lagi dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) yang berkuat kuasa pada Jun 2013.


Akta ini akan mengukuhkan sistem kawal selia dan perundangan bagi menghadapi cabaran dan perkembangan industri yang semakin canggih dan bersifat antarabangsa.

Prestasi Sistem Perbankan

Pemintaan pembiayaan berterusan

Pertumbuhan kredit dalam sistem perbankan terus berkembang, namun pada kadar yang lebih sederhana dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. **Pemohonan pinjaman** meningkat 0.5% kepada RM535.6 bilion manakala **kelulusan pinjaman** menyusut 1.4% kepada RM261 bilion (Januari – Ogos 2012: 7.5%, RM533 bilion; -0.3%, RM264.6 bilion). Dalam tempoh yang sama, **pengeluaran pinjaman** berkembang 0.7% kepada RM619.2 bilion (Januari – Ogos 2012: 17.5%; RM614.6 bilion). Jumlah **pinjaman**

CARTA 5.3
Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹
(% perubahan tahunan)



¹ Data bulanan.

² Akhir Ogos 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Ogos

Penunjuk	RM billion		Perubahan (%)	
	2012	2013	2012	2013
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	533.0	535.6	7.5	0.5
Kelulusan pinjaman	264.6	261.0	-0.3	-1.4
Pengeluaran pinjaman	614.6	619.2	17.5	0.7
Pinjaman terkumpul ²	1,079.5	1,180.3	12.3	9.3
yang mana:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	270.4	236.7	15.0	-12.5
Kelulusan pinjaman	130.6	103.8	4.0	-20.5
Pengeluaran pinjaman	437.9	421.5	26.9	-3.8
Pinjaman terkumpul ²	409.2	440.8	13.8	7.7
yang mana:				
PKS				
Permohonan pinjaman	123.8	128.2	13.0	3.5
Kelulusan pinjaman	54.8	47.7	14.5	-12.9
Pengeluaran pinjaman	142.5	152.3	23.3	6.9
Pinjaman terkumpul ²	172.5	191.5	21.2	11.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	262.7	298.9	0.8	13.8
Kelulusan pinjaman	134.0	157.2	-4.2	17.3
Pengeluaran pinjaman	176.7	197.7	-0.8	11.9
Pinjaman terkumpul ²	592.8	663.4	11.7	11.9

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.


terkumpul sistem perbankan berkembang 9.3% kepada RM1,180.3 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 10.4%; RM1,108 bilion).

Pinjaman kepada **perniagaan** menjadi sederhana dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Permohonan pinjaman oleh perniagaan berkurang 12.5% kepada RM236.7 bilion manakala kelulusan pinjaman jatuh 20.5% kepada RM103.8 bilion (Januari – Ogos 2012: 15%, RM270.4 bilion; 4%, RM130.6 bilion). Pengeluaran pinjaman kepada perniagaan juga menyusut 3.8% kepada RM421.5

CARTA 5.4

Pengeluaran Pinjaman Mengikut Sektor Januari – Ogos

(% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia.

bilion (Januari – Ogos 2012: 26.9%; RM437.9 bilion). Bahagian terbesar pengeluaran pinjaman perniagaan adalah kepada sektor pembuatan sebanyak 20.9%; diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran sebanyak 19.2%; sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan sebanyak 7.2%; dan sektor pembinaan sebanyak 6.6%. Jumlah pinjaman perniagaan terkumpul berkembang 7.7% kepada RM440.8 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 10.9%; RM419.1 bilion).

Pembiayaan kepada **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** juga sederhana dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Permohonan pinjaman berkembang 3.5% kepada RM128.2 bilion manakala kelulusan pinjaman jatuh 12.9% kepada RM47.7 bilion (Januari – Ogos 2012: 13%, RM123.8 bilion; 14.5%, RM54.8 bilion). Dalam tempoh yang sama, sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan menerima bahagian terbesar pinjaman sebanyak 27.7%

JADUAL 5.3

Pinjaman Terkumpul Mengikut Sektor

	RM bilion		Bahagian (%)	
	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013
Perniagaan	419.1	440.8	37.8	37.3
Syarikat besar ¹	242.2	249.3	21.9	21.1
PKS	177.0	191.5	16.0	16.2
<i>Sektor terpilih²</i>				
Pertanian primer	28.6	31.8	2.6	2.7
Perlombongan dan kuari	7.0	8.1	0.6	0.7
Pembuatan	94.9	96.4	8.6	8.2
Bekalan elektrik, gas dan air	10.3	9.7	0.9	0.8
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	82.1	88.0	7.4	7.5
Pembinaan	44.5	47.8	4.0	4.0
Harta tanah	62.6	67.5	5.6	5.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	28.1	27.4	2.5	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	76.0	77.3	6.9	6.5
Isi rumah²	616.5	663.4	55.6	56.2
yang mana:	288.6	312.1	26.0	26.4
Pembelian harta kediaman ³	56.6	62.0	5.1	5.3
Pembelian kereta penumpang ³	128.6	136.1	11.6	11.5
Kredit penggunaan ^{3,4}	88.0	89.9	7.9	7.6
yang mana:				
Kad kredit ³	32.8	33.0	3.0	2.8
Kegunaan persendirian ³	55.0	56.7	5.0	4.8
Sektor lain-lain	72.3	76.1	6.5	6.4
Jumlah⁵	1,108.0	1,180.3	100.0	100.0

¹ Termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Meliputi pinjaman kepada semua pelanggan (bukan isi rumah dan isi rumah).

³ Mencerminkan pinjaman kepada isi rumah sahaja.

⁴ Kredit penggunaan = Kad kredit + Kegunaan persendirian + Pembelian barang penggunaan.

⁵ Jumlah = Perniagaan + Isi rumah + Sektor lain-lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran sebanyak 25.8%, manakala sektor pembuatan menerima 19.4%. Jumlah pinjaman PKS terkumpul berkembang 11% kepada RM191.5 bilion dan merangkumi 43.4% jumlah pinjaman perniagaan terkumpul dalam sistem perbankan pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 15.5%; RM177 bilion; 42.2%).

Selain itu, PKS juga mendapat pembiayaan daripada lima **dana pusingan khas**¹ yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, sejumlah RM1,106 juta telah diluluskan kepada 2,994 akaun (Januari – Ogos 2012: RM774.1 juta; 2,087 akaun), yang mewakili peningkatan sebanyak 42.9% dan 43.5% berbanding tempoh yang sama pada 2012. Pada akhir Ogos 2013, jumlah pembiayaan diluluskan sejak penubuhan dana tersebut adalah sebanyak RM23.7 bilion dengan kadar penggunaan purata 90.9% dan telah memberi manfaat kepada 57,373 PKS (akhir 2012: RM22.6 bilion; 92.2%; 54,379 PKS).

Sementara itu, perniagaan mikro terus mendapat akses kepada **pembiayaan mikro** di bawah Skim Pembiayaan Mikro yang dilancarkan pada 2006. Di bawah skim ini, perniagaan mikro yang berdaya maju layak untuk menerima pembiayaan secara konvensional atau berprinsip Islam bernilai antara RM1,000 dan RM50,000 daripada 10 institusi kewangan yang mempunyai lebih daripada 2,400 pusat akses. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, sejumlah RM208.7 juta pembiayaan telah diluluskan kepada 10,658 perniagaan mikro (Januari – Ogos 2012: RM222.5 juta; 11,397 perniagaan mikro). Pada akhir Ogos 2013, jumlah pinjaman terkumpul di bawah skim ini bernilai RM867.3 juta dan telah membantu 71,102 perniagaan mikro (akhir 2012: RM870.3 juta; 68,799 perniagaan mikro).

Selain itu, AIM dan TEKUN Nasional terus memberikan pembiayaan kepada usahawan mikro. AIM yang telah ditubuhkan pada September 1987, kini menyediakan lima jenis pembiayaan Islam

¹ Tabung Untuk Makanan telah ditubuhkan pada tahun 1993; Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (2000); Tabung Usahawan Baru 2 (2001); Tabung Pembiayaan Mikro (2008); dan Tabung Projek Usahawan Bumiputera - Islam (2009).

kepada sahabatnya yang semakin bertambah. Pada akhir Ogos 2013, AIM mempunyai seramai 341,006 sahabat berdaftar yang mana kira-kira 70% adalah dalam lingkungan umur 20 dan 50 tahun. Kebanyakan sahabat adalah terlibat dengan sektor perniagaan (51.7%) diikuti dengan sektor pertanian (23.6%), sektor pembuatan (8.9%) dan sektor perkhidmatan (7.5%). Sejumlah RM1,118.1 juta nilai pembiayaan telah diluluskan kepada 279,777 sahabat dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: RM1,211.8 juta; 276,926 sahabat). Dalam tempoh tersebut, kadar pembayaran balik pembiayaan yang telah dikeluarkan kekal tinggi pada 98.4% (Januari – Ogos 2012: 99.4%). Sementara itu, TEKUN Nasional telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM398.2 juta kepada 32,194 usahawan mikro (Januari – Ogos 2012: RM326.4 juta; 22,905 usahawan mikro) dengan sebahagian besar daripada pembiayaan disalurkan kepada sektor perkhidmatan (50.3%) dan sektor peruncitan (36.5%). Secara keseluruhannya, sejak penubuhan TEKUN Nasional pada 1998, sebanyak 269,367 usahawan mikro telah diberikan pembiayaan berjumlah RM2.8 bilion.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, pembiayaan kepada **isi rumah** kekal kukuh dengan semua penunjuk pinjaman isi rumah meningkat pada kadar pertumbuhan dua angka. Permohonan pinjaman isi rumah meningkat 13.8% kepada RM298.9 bilion, kelulusan pinjaman, 17.3% kepada RM157.2 bilion, manakala pengeluaran pinjaman, 11.9% kepada RM197.7 bilion (Januari – Ogos 2012: 0.8%, RM262.7 bilion; -4.2%, RM134 bilion; -0.8%, RM176.7 bilion). Jumlah pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 11.9% kepada RM663.4 bilion dan meliputi 56.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 11.6%; RM616.5 bilion; 55.6%). Sebahagian besar daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah untuk kredit penggunaan (43.8%), pembelian harta kediaman (24.2%) dan pembelian kereta penumpang (14.7%).

Jumlah hutang isi rumah yang termasuk pinjaman diberikan oleh sistem perbankan, IKP, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan institusi kredit lain telah berkembang pada kadar purata

tahunan sebanyak 12% sepanjang tempoh lima tahun yang lepas. Pengumpulan hutang ini adalah terutamanya untuk pembelian aset seperti harta tanah dan kenderaan yang merangkumi 69.8% daripada jumlah hutang isi rumah. Pada akhir Ogos 2013, hutang isi rumah meningkat 12.6% kepada RM824.3 bilion (akhir 2012: 13%; RM761.9 bilion). Jumlah hutang isi rumah secara relatif kepada KDNK nominal adalah 85.1% pada akhir Jun 2013 (akhir 2012: 80.9%). Manakala pada akhir Ogos 2013, aset kewangan isi rumah telah meningkat 10.3% kepada RM1,812.3 bilion (akhir 2012: 12.6%; RM1,686.5 bilion). Peningkatan hutang isi rumah disokong oleh pertumbuhan mampan dalam paras pendapatan serta keadaan guna tenaga yang lebih baik. Sektor isi rumah terus menunjukkan keupayaan untuk membayar pinjaman mereka dengan nisbah pinjaman terjejas kekal rendah pada 1.4% daripada pinjaman sistem perbankan yang diberi kepada isi rumah pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 1.5%).

Walaupun paras hutang isi rumah pada keseluruhannya kekal terkawal, didapati bahawa peminjam daripada kumpulan berpendapatan rendah adalah mudah terjejas berikutan kedudukan leveraj mereka telah meningkat secara relatif berbanding kumpulan pendapatan lain. Keadaan ini disertai dengan peningkatan ketara dalam pembiayaan peribadi dan tempoh pembiayaan yang lebih panjang, yang boleh menggalakkan pinjaman secara berlebihan oleh isi rumah yang tidak boleh menambah hutang lagi. Pada Julai 2013, BNM telah memperkenalkan beberapa langkah awalan yang bertujuan menjadikan sektor isi rumah lebih berdaya tahan, mengukuhkan amalan peminjaman bertanggungjawab serta mengurangkan potensi risiko jangka panjang terhadap kestabilan kewangan. Langkah ini termasuk mengehadkan tempoh pinjaman perumahan daripada sehingga 45 tahun kepada 35 tahun dan pembiayaan peribadi daripada sehingga 25 tahun kepada 10 tahun. Selain itu, institusi kewangan juga dilarang menawarkan pembiayaan peribadi tanpa permohonan daripada peminjam. Institusi kewangan juga dikehendaki mematuhi nisbah khidmat hutang yang berhemat semasa memberikan kredit kepada peminjam untuk memastikan bahawa mereka mempunyai penampungan kewangan yang mencukupi untuk menyokong

mereka sekiranya berlaku peningkatan kos dan kesukaran yang tidak diduga. Langkah ini juga untuk memastikan isi rumah yang mempunyai keupayaan untuk meminjam terus mendapat akses kepada pembiayaan. Untuk memastikan keseragaman dalam amalan pembiayaan oleh penyedia kredit utama kepada sektor isi rumah, langkah-langkah ini juga dikuatkuasakan ke atas koperasi yang dikawal selia oleh Suruhajaya Koperasi Malaysia, Malaysia Building Society Berhad (MBSB) dan Aeon Credit Service (M) Berhad selain daripada bank-bank perdagangan, bank-bank Islam serta IKP yang dikawal selia oleh BNM. Semua langkah ini menyokong langkah awalan yang telah dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2010.

Penggunaan **kad kredit** terus meningkat dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Urus niaga kad kredit meningkat 5.8% kepada 221.9 juta dengan jumlah RM65.2 bilion (Januari – Ogos 2012: 6%; 214.7 juta; RM61.6 bilion). Baki terkumpul hutang kad kredit meningkat sedikit iaitu 2.4% kepada RM33.8 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 1.7%; RM34 bilion). Sementara itu, hutang kad kredit mencakupi 2.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan dan 5.1% daripada jumlah pinjaman isi rumah pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 3.1%; 5.5%). Meskipun dengan pengenalan beberapa keperluan pendapatan yang lebih ketat, bilangan permohonan kad kredit meningkat 13.3% kepada 1.9 juta dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: -0.6%; 1.7 juta). Walau bagaimanapun, kadar kelulusan permohonan adalah lebih rendah pada 44.3%. (Januari – Ogos 2012: 48.7%). Paras hutang kad kredit yang terjejas kekal rendah pada 1.2% pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 1.3%).

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) terus melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang berhemat, terutamanya kepada golongan muda. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, AKPK telah menyediakan kaunseling kredit kepada 24,286 individu dengan 10,785 individu atau 44.4% telah memberikan komitmen untuk Program Pengurusan Hutang (DMP) (Januari – Ogos 2012: 23,842; 10,789; 45.3%). DMP telah membantu peminjam


menyelaraskan pembayaran balik pinjaman kepada institusi kewangan berjumlah RM828.5 juta (Januari – Ogos 2012: RM724.2 juta) dalam tempoh tersebut dengan 7,820 melibatkan kes hutang berkaitan kad kredit bernilai RM467.5 juta, dan 4,956 merupakan kes pembiayaan peribadi berjumlah RM151.6 juta (Januari – Ogos 2012: 8,670 kes; RM420.6 juta; 5,202 kes; RM173.7 juta). Sementara itu, pembiayaan perumahan merangkumi 450 kes dan kenderaan sebanyak 103 kes (Januari – Ogos 2012: 264 kes; 73 kes). Sejak penubuhannya pada tahun 2006, AKPK telah membantu lebih 94,000 individu melalui program DMP.

Program DMP juga telah diperluaskan kepada peminjam daripada pemberi pinjaman bukan bank seperti MBSB dan koperasi kredit. AKPK telah memperkenalkan Buku DMP kepada penyedia kredit sebagai panduan dalam proses DMP. Modul kedua bagi program celik kewangan berjaya iaitu POWER! sedang dibangunkan dan akan memberi tumpuan kepada pengurusan hutang. Modul ini menyasarkan golongan dewasa berumur antara 25 dan 45 tahun. AKPK bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga telah membangunkan program pasca-perkahwinan untuk membantu pasangan dalam perancangan kewangan keluarga.

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Sistem perbankan kekal teguh dan mempunyai permodalan yang kukuh walaupun dengan pelaksanaan rangka kerja kecukupan modal Basel III yang baharu dan lebih ketat bermula 1 Januari 2013. Pada akhir Ogos 2013, sistem perbankan mencatatkan tahap nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 pada 12%, nisbah modal kumpulan 1 pada 12.8% dan nisbah jumlah modal pada 14.1%. Penampakan modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan kekal tinggi pada RM73 bilion. Kedudukan mudah tunai kekal mencukupi dengan institusi perbankan mengekalkan penampakan mudah tunai yang kukuh dan penempatan deposit yang besar melebihi RM147 bilion dengan BNM. Sistem perbankan juga mencatatkan lebihan mudah tunai yang diunjurkan sebanyak 14% daripada jumlah deposit untuk keperluan mudah tunai bertempoh matang satu minggu.

CARTA 5.5

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas¹ dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih²¹ Akhir tempoh.² Akhir Ogos 2013.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, sistem perbankan mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang rendah sedikit iaitu RM18.9 bilion (Januari – Ogos 2012: RM19.5 bilion), disumbang terutamanya oleh pendapatan daripada aktiviti pembiayaan dan keuntungan daripada aktiviti dagangan dan pelaburan. Kualiti pinjaman dalam sistem perbankan kekal stabil dengan nisbah pinjaman terjejas bersih pada paras 1.4% daripada pinjaman bersih pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 1.4%), sementara nisbah perlindungan kerugian pinjaman secara keseluruhannya kekal melebihi 90%.

Sementara itu, rangka kerja pengawalan dan penyeliaan sektor kewangan telah diperkukuhkan lagi setelah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan IFSA dikuatkuasakan mulai 30 Jun 2013. FSA dan IFSA merupakan usaha kemuncak untuk memodenkan undang-undang yang mengawal selia

perlakuan dan penyeliaan institusi kewangan di Malaysia. Langkah ini memastikan bahawa undang-undang ini terus relevan dan berkesan untuk mengekalkan kestabilan kewangan, menyokong pertumbuhan inklusif sistem kewangan dan ekonomi, serta menyediakan perlindungan yang mencukupi kepada pengguna. FSA dan IFSA menggabungkan dan menggantikan beberapa undang-undang yang berasingan, iaitu Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA), Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 bagi mengawal selia sektor kewangan konvensional dan Islam di bawah rangka perundangan tunggal.

Perundangan baharu ini memperuntukkan pelaksanaan dan pentadbiran undang-undang yang lebih jelas dan telus. FSA dan IFSA juga mempunyai peruntukan bagi keperluan pengawalseliaan berbeza yang mencerminkan jenis aktiviti pengantaraan kewangan dan risikonya kepada sistem kewangan secara keseluruhan. Tambahan pula, terdapat peruntukan bagi mengawal selia syarikat pemegangan kewangan dan entiti tidak dikawal selia supaya mengambil kira kemungkinan risiko sistemik daripada interaksi antara institusi, aktiviti dan pasaran yang dikawal selia dengan yang tidak dikawal selia. IFSA memberi tumpuan yang jelas terhadap pematuhan dan tadbir urus Syariah dalam sektor kewangan Islam dengan rangka kerja perundangan komprehensif yang patuh Syariah sepenuhnya dalam semua aspek pengawalan dan penyeliaan. Undang-undang baharu ini juga akan mengukuhkan perlakuan perniagaan dan keperluan perlindungan untuk meningkatkan keyakinan pengguna dalam menggunakan perkhidmatan dan produk kewangan serta mengukuhkan peruntukan penguatkuasaan dan campur tangan penyeliaan yang berkesan dan awal bagi meningkatkan keselamatan dan keutuhan institusi kewangan.

FSA dan IFSA juga mengukuhkan keadaan bagi sektor kewangan menyumbang kepada proses transformasi ekonomi yang menyokong

inovasi, persaingan dan pertumbuhan dengan perlindungan yang mencukupi untuk memastikan pengantara kewangan bertanggungjawab dan tidak menimbulkan risiko dalam sistem kewangan secara keseluruhan. FSA dan IFSA juga membolehkan BNM meluluskan satu skim ombudsman kewangan bagi memastikan mekanisme yang berkesan dalam menyelesaikan pertikaian antara pengguna dan penyedia perkhidmatan kewangan yang berkaitan dengan perkhidmatan atau produk kewangan.

IKP terus menyokong sektor strategik

Beberapa inisiatif dan garis panduan berhemat telah diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi kapasiti dan keupayaan **institusi kewangan pembangunan (IKP)** bagi memastikan keberkesanan prestasi dalam peranan yang telah dimandatkan, terutamanya dalam menyokong pembangunan sektor ekonomi yang strategik seperti pertanian dan infrastruktur serta PKS dan industri berorientasikan eksport. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, jumlah pembiayaan terkumpul IKP meningkat 8.5% kepada RM117 bilion (akhir 2012: 10.1%; RM111.1 bilion). Peningkatan ini hasil daripada pemberian pembiayaan yang lebih tinggi bagi kredit penggunaan dan sektor maritim serta industri berkaitan eksport. Kredit penggunaan yang sebahagian besarnya diberikan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Simpanan Nasional telah meningkat kukuh sebanyak 11% kepada RM60.8 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 14.5%; RM57.5 bilion). Sementara itu, pembiayaan kepada sektor perkhidmatan perniagaan berkembang kepada RM3.6 bilion (akhir 2012: RM3.2 bilion), terutamanya disebabkan oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada koperasi. Dalam tempoh yang sama, pinjaman kepada sektor maritim kembali pulih dan meningkat 11.4% kepada RM2.4 bilion (akhir 2012: -6.8%; RM2 bilion). Sebahagian besar pembiayaan kepada sektor ini adalah untuk pembinaan kapal laut. Pembiayaan kepada industri berorientasikan eksport kekal kukuh iaitu 18.2% kepada RM5.4 bilion pada akhir Ogos 2013, walaupun dalam persekitaran ekonomi

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Pinjaman

Sektor	RM billion		Bahagian (%)	
	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013
Pertanian primer	6.9	6.8	6.2	5.8
Pembuatan	5.2	5.3	4.7	4.5
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1.8	2.2	1.6	1.9
Pembinaan	16.6	16.2	14.9	13.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.3	5.4	4.8	4.7
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	3.7	3.6	3.3	3.1
Lain-lain	71.7	77.6	64.5	66.3
Jumlah	111.1	117.0	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

global yang tidak menentu (akhir 2012: 23.6%; RM4.3 bilion). Jumlah pinjaman terkumpul PKS yang diberikan oleh IKP meningkat 6.8% kepada RM13.1 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: -1.1%; RM12 bilion). Selain itu, jumlah deposit yang diterima dan pinjaman Kerajaan kekal sebagai sumber utama dana IKP mencakupi 70.5% daripada jumlah sumber dana IKP.

Bagi meningkatkan tadbir urus, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan IKP dalam menjalankan mandat mereka, Garis Panduan Keperluan Laporan Kewangan bagi IKP telah dikeluarkan pada Disember 2012. Garis panduan

ini menetapkan keperluan laporan kewangan IKP meliputi kedua-dua jenis perniagaan Islam dan konvensional. Salah satu ciri utama garis panduan ini memerlukan penzahiran khusus mengenai pencapaian mandat atau matlamat pembangunan IKP yang ditetapkan oleh Kerajaan, prestasi dana khas Kerajaan yang diuruskan oleh IKP, dan unjuran masa depan sektor strategik yang disokong oleh IKP.

Bagi melindungi kepentingan pelanggan tanpa menjejaskan keberkesanan operasi IKP, garis panduan Penzahiran Dokumen Pelanggan dan Maklumat oleh IKP telah dikeluarkan pada 2 Julai 2013. Garis panduan ini menetapkan tatacara pematuhan bagi IKP untuk menzahirkan dokumen atau maklumat berhubung dengan hal ehwal atau akaun pelanggan, bagi tiga tujuan atau keadaan khusus, iaitu pematuhan terhadap perintah agensi penguatkuasa, permintaan dokumen dan maklumat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, dan penilaian prestasi fungsi yang menggunakan khidmat luar.

Industri insurans kekal berdaya tahan

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, **industri insurans** kekal berdaya tahan dengan permodalan yang kukuh. Nisbah kecukupan modal bagi industri ini berada pada 220.7% (akhir 2012: 222.8%) dengan penampungan modal berjumlah RM22.9 bilion. Impak daripada perkembangan buruk di Eropah adalah terkawal disebabkan oleh pelaburan langsung luar negara yang minimum dan pendedahan insurans semula yang terurus. Pendedahan pelaburan syarikat insurans Malaysia di Eropah hanya berjumlah RM0.4 bilion atau 0.6% daripada jumlah modal asas industri, yang sebahagian besarnya dalam bentuk pelaburan dana ekuiti dan bon swasta di UK, Jerman dan Perancis. Pendedahan tuntutan insurans semula kepada syarikat insurans dan insurans semula berpangkalan di Eropah adalah 9.5% daripada modal asas syarikat insurans am dan pendedahan tersebut sebahagian besarnya kepada syarikat insurans dan insurans semula yang mempunyai penarafan kedudukan kewangan yang kukuh.

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2012	2013 Jan – Ogos
Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan baharu		
Bilangan polisi (unit)	8,854,596	9,157,579 ¹
Jumlah diinsuranskan	290,430.3	384,309.5 ¹
Jumlah premium	8,537.5	5,441.6 ¹
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi (unit)	15,995.0	17,203.2 ²
Jumlah diinsuranskan	1,119,615.7	1,218,591.2 ²
Premium tahunan	22,807.3	24,063.1 ²
Pendapatan Premium	24,752.2	16,360.8
Bayaran Manfaat	14,342.4	10,035.0
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	14,873.7	10,994.0
Premium bersih	12,940.6	9,205.8
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	1,179.2	667.2
Nisbah bendungan³ (%)	71.4	72.8
Bilangan syarikat insurans⁴		
Langsung	32	32
Hayat	9	9
Am	18	18
Komposit	5	5
Insurans semula	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Termasuk data bagi syarikat insurans langsung (Januari – Ogos 2013) dan syarikat insurans semula (Januari – Jun 2013).

² Pada akhir Jun 2013. Data dikemas kini setiap suku tahunan.

³ Bahagian premium yang dikekalkan dalam negara.

⁴ Pada akhir tempoh.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sektor **insurans hayat** mencatatkan keuntungan yang lebih rendah pada RM6.5 bilion berikutan kerugian modal belum direalisasi yang tinggi dalam pelaburan hutang dan ekuiti (Januari – Ogos 2012: RM10.5 bilion). Premium insurans hayat baharu

CARTA 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am Pada Akhir Ogos 2013

(% bahagian)

¹ Pelaburan lain = Pinjaman jaminan Kerajaan + pelaburan harta tanah + lain-lain.² Aset lain = Harta benda, loji dan kelengkapan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

menyusut sedikit iaitu 2.5% kepada RM5.4 bilion terutamanya disebabkan oleh premium yang lebih rendah daripada produk sertaan (Januari – Ogos 2012: 9%; RM5.5 bilion). Sementara itu, jualan produk berkaitan pelaburan meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.5% kepada RM2 bilion (Januari – Ogos 2012: 27.4%; RM1.98 bilion). Kadar penembusan pasaran bagi sektor insurans hayat bertambah baik kepada 57.8% pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 54.6%).

Sektor **insurans am** kekal stabil dengan keuntungan operasi berjumlah RM1.44 bilion hasil daripada pendapatan premium yang lebih tinggi dan tuntutan yang lebih rendah (Januari – Ogos 2012: RM1.40 bilion). Premium langsung kasar berkembang 6.8% kepada RM11 bilion, terutamanya daripada perniagaan motor dan penerbangan dengan perniagaan motor menyumbang 46.1% daripada jumlah premium langsung kasar. Nisbah tuntutan keseluruhan bagi industri insurans am berada pada

59.2%, mencerminkan pengalaman tuntutan yang lebih baik dalam kebanyakan kelas perniagaan (akhir 2012: 57.3%).

Pada akhir Ogos 2013, aset industri insurans berkembang kukuh sebanyak 6.8% kepada RM198.8 bilion dengan kira-kira 39% merupakan pegangan dalam bentuk sekuriti hutang swasta (PDS) dan 17% dalam ekuiti. Portfolio aset bagi insurans am terdiri daripada kira-kira 26% aset berisiko rendah dan cair seperti tunai dan deposit tetap.

Dalam tempoh Ogos 2012 hingga Ogos 2013, selepas penyelesaian tiga penggabungan dan pengambilalihan, bilangan syarikat insurans telah berkurangan daripada 35 kepada 32. Beberapa penggabungan dan pengambilalihan yang masih dalam perancangan akan membawa kepada konsolidasi dan rasionalisasi lanjut dalam industri insurans.

Prestasi Pasaran Modal

Pemerolehan dana kekal stabil

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal menurun 33.8% kepada RM118.8 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 43.1%; RM179.5 bilion). Dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), TPK dan Sukuk Perumahan Kerajaan merosot 6.7% kepada RM67 bilion (Januari – Ogos 2012: 6.3%; RM71.8 bilion). Sementara itu, dana kasar yang diperoleh oleh sektor swasta merosot 51.9% kepada RM51.8 bilion (Januari – Ogos 2012: 86.1%; RM107.7 bilion), terutamanya terdiri daripada terbitan PDS baharu. Sebahagian besar terbitan PDS adalah daripada sektor elektrik, gas dan air; dan sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang berjumlah RM27.8 bilion atau 64% daripada jumlah terbitan PDS baharu (Januari – Ogos 2012: RM65 bilion; 74.4%). Dana digunakan terutamanya untuk membiayai modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menurun 55.3% kepada RM40.5 bilion setelah mengambil kira penebusan (Januari – Ogos 2012: 20.3%; RM90.6 bilion). Walau bagaimanapun, dana bersih yang diperoleh sektor awam meningkat 3.4% kepada RM25.4 bilion (Januari – Ogos 2012: -40.5%; RM24.5 bilion), manakala sektor swasta susut 77.1% kepada RM15.1 bilion (Januari – Ogos 2012: 94.1%; RM66 bilion). Setelah penyenaraian beberapa ekuiti besar pada 2012, dana yang diperoleh dalam pasaran ekuiti menurun 58.3% kepada RM8.5 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 133.6%; RM20.3 bilion). Walaupun terbitan awam awal (IPO) menyederhana kepada RM3.3 bilion, terbitan hak adalah lebih tinggi pada RM5.1 bilion (Januari – Ogos 2012: RM17.5 bilion; RM2.7 bilion). Menurut prestasi tahun-tahun yang lalu, tanpa mengambil kira beberapa terbitan besar dan tunggal yang berkaitan dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP)

JADUAL 5.6

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Ogos (RM juta)

	2012	2013
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	39,099	34,059
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	30,134	28,527
Sukuk Perumahan Kerajaan	2,600	4,400
Terbitan baru sekuriti Kerajaan	71,833	66,985
Tolak: Penebusan	47,291	41,617
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor awam	24,542	25,368
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran awam awal	17,486	3,349
Terbitan hak	2,669	5,117
Penempatan persendirian/ Tawaran jualan secara terhad	175	-
Terbitan khas	-	-
Waran	13	13
Terbitan baru saham/waran	20,343	8,479
Sekuriti hutang		
Bon biasa	6,503	1,257
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	3,353	5,607
Bon bersandarkan aset	40	-
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	77,465	36,489
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	87,362	43,352
Tolak: Penebusan	41,690	36,724
Terbitan bersih sekuriti hutang	45,672	6,629
Dana bersih yang diperoleh oleh sektor swasta	66,015	15,107
Jumlah dana bersih diperoleh	90,557	40,475

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.7

Terbitan Sekuriti Hutang Swasta (PDS)¹ Baharu Mengikut Sektor Januari – Ogos

Sektor	RM juta		Bahagian (%)	
	2012	2013	2012	2013
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,002	1,449	1.2	3.3
Pembuatan	1,778	75	2.0	0.2
Pembinaan	4,202	2,305	4.8	5.3
Elektrik, gas dan air	12,029	13,893	13.8	32.1
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	8,693	2,234	10.0	5.2
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	52,950	13,867	60.6	32.0
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	6,638	9,475	7.6	21.9
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	70	55	0.1	0.1
Jumlah	87,362	43,352	100.0	100.0

¹ Termasuk PDS yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

dan inisiatif mempelbagaikan penyahlaburan oleh Kerajaan pada 2012, aktiviti pemerolehan dana pada lapan bulan pertama 2013 kekal cergas.

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, kadar hasil SKM telah melalui dua fasa. Dari Januari, kadar hasil yang secara umumnya pada aliran menurun, terus menyusut lagi pada awal Mei disebabkan oleh sentimen positif dalam pasaran berikutan berakhirnya Pilihan Raya Umum ke-13. Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan Mei, kadar hasil mula meningkat berikutan ketidakpastian terhadap kesinambungan program rangsangan kewangan di AS. Perkara ini menyebabkan kadar hasil SKM 5-tahun meningkat 44 mata asas dan 10-tahun naik 55 mata asas pada lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 4 mata asas; -21 mata asas). Begitu juga

CARTA 5.7

Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)¹




¹ Akhir tempoh.

² Akhir Ogos 2013.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.8

Bahagian Pegangan Asing Dalam Jumlah SKM Terkumpul¹




¹ Akhir tempoh.

² Akhir Ogos 2013.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.9

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹



¹ Akhir tempoh.

² Akhir Ogos 2013.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

dengan kadar hasil SKM 1-tahun meningkat 10 mata asas dan 3-tahun naik 39 mata asas (Januari – Ogos 2012: 18 mata asas; 5 mata asas). Pegangan asing dalam SKM berjumlah RM125.5 bilion dan merangkumi 42.7% daripada jumlah SKM terkumpul pada akhir Ogos 2013 (akhir Ogos 2012: RM116.4 bilion; 41.5%). Sementara itu, dalam pasaran PDS, kadar hasil sekuriti hutang PDS 5-tahun bertaraf AAA meningkat 14 mata asas dan AA, 2 mata asas, manakala sekuriti hutang bertaraf A meningkat 4 mata asas (Januari – Ogos 2012: -15 mata asas; -22 mata asas; -14 mata asas).

Spread kredit PDS bertempoh 5-tahun (kadar hasil PDS tolak kadar hasil SKM) bagi sekuriti bertaraf AAA mengecil 30 mata asas, manakala bagi sekuriti hutang bertaraf AA sebanyak 42 mata asas dan bertaraf A sebanyak 40 mata asas. (Januari – Ogos 2012: -19 mata asas; -26 mata asas; -18 mata asas). Pengecilan ini sebahagiannya mencerminkan permintaan berterusan dalam pasaran PDS. Spread tempoh matang SKM (kadar hasil SKM 10-tahun tolak kadar hasil SKM 1-tahun) melebar dengan 45 mata asas (Januari – Ogos 2012: -39 mata asas).

Pasaran ekuiti berdaya tahan

Pasaran ekuiti kekal berdaya tahan dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 meskipun dalam persekitaran ekonomi dunia yang mencabar dan ketidakpastian pasaran global yang meningkat. Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) bermula dengan positif pada permulaan tahun dengan sentimen pasaran yang bertambah baik setelah kerajaan AS meluluskan rang undang-undang bajet untuk mengelakkan 'fiscal cliff', dan sektor pembuatan China yang mencatatkan prestasi lebih baik daripada jangkaan, telah menyebabkan indeks meningkat kepada 1,694.16 mata pada 7 Januari 2013. Selepas itu, pasaran telah dijejaskan oleh kebimbangan mengenai tarikh Pilihan Raya Umum ke-13, data ekonomi Eropah dan Jepun yang lemah serta kemungkinan berlakunya

JADUAL 5.8

Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih Januari – Ogos

	2012	2013
Indeks harga¹		
FBM KLCI	1,646.1	1,727.6
FBMEMAS	11,229.5	11,968.6
FBM 100	11,055.2	11,729.2
FBM SCAP	12,189.2	14,447.9
FBM-ACE	4,591.6	4,929.8
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	236,394.4	233,102.8
Nilai (RM juta)	265,127.7	329,880.7
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	1,441.4	1,421.4
Nilai (RM juta)	1,616.6	2,011.5
Permodalan pasaran ¹ (RM bilion)	1,431.6	1,563.9
Bilangan syarikat disenaraikan¹		
Pasaran Utama	815	802
Pasaran ACE	115	109
Kecairan pasaran¹		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	18.5	21.1
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/ permodalan pasaran (%)	35.5	35.0

¹ Pada akhir tempoh.

² Berdasarkan urus niaga pasaran semasa tempoh.


Sumber: Bursa Malaysia.

penarikan semula pelonggaran kuantitatif oleh Fed. FBM KLCI jatuh ke paras terendah tahun ini kepada 1,613.33 mata pada 20 Februari 2013, sebelum mengembalikan semula momentumnya sejajar dengan pasaran serantau berikutan data ekonomi yang bertambah baik, jangkaan prospek pertumbuhan yang lebih baik bagi Jepun dengan pelantikan ketua Bank of Japan yang pro-rangsangan serta jaminan daripada bank-bank pusat global untuk mengekalkan langkah-langkah rangsangan bagi meningkatkan pertumbuhan

ekonomi. Pasaran juga terus disokong oleh penyelesaian krisis hutang di Cyprus berikutan bantuan kewangan sebanyak 10 bilion euro (RM40.5 bilion) oleh Kesatuan Eropah dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pada akhir Mac 2013, FBM KLCI ditutup pada 1,671.63 mata (akhir Disember 2012: 1,688.95 mata).


Pasaran saham menunjukkan prestasi yang kukuh pada suku kedua 2013, mengatasi pasaran serantau yang lain. Pada April, pasaran ditutup melebihi paras 1,700 mata kepada 1,707.04 mata pada 11 April 2013 selepas Parlimen dibubarkan. Sentimen terus didorong oleh data inflasi yang sederhana dari China yang telah mengurangkan kebimbangan bahawa China akan mengetatkan lagi dasar kewangan, dan rekod penutupan tertinggi di Wall Street. Walau bagaimanapun, aliran peningkatan ini disekat oleh kebimbangan terhadap pertumbuhan suku pertama KDNK China yang lebih perlahan daripada jangkaan dan semakin semula pertumbuhan global yang lebih rendah oleh IMF. FBM KLCI ditutup pada paras tertinggi iaitu 1,788.43 mata pada 14 Mei 2013, dengan sentimen pasaran disokong oleh berakhirnya ketidaktentuan politik setelah parti pemerintah mengekalkan kuasa dalam Pilihan Raya Umum ke-13. Walau bagaimanapun, pasaran jatuh kembali berikutan berlakunya beberapa perkara global yang kurang menggalakkan termasuk peningkatan kebimbangan terhadap pertumbuhan China yang semakin perlahan serta penarikan semula program rangsangan oleh Fed berdasarkan tanda-tanda ekonomi AS yang bertambah baik. Keadaan ini telah mencetuskan penjualan ekuiti serantau dan perubahan aliran portfolio dana asing kembali ke AS. Seterusnya, FBM KLCI jatuh kepada 1,728.64 mata pada 25 Jun 2013 seiring dengan penurunan pasaran serantau. Menjelang akhir Jun 2013, pasaran berjaya meningkat sedikit berikutan langkah-langkah yang diambil oleh China untuk mengekalkan pertumbuhan serta jaminan daripada Fed untuk meneruskan langkah-langkah rangsangan, sekiranya perlu. FBM KLCI ditutup pada 1,773.54 mata pada akhir Jun 2013 (akhir Jun 2012: 1,599.15 mata).

CARTA 5.10
Prestasi Bursa Malaysia




¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.11
Prestasi Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.12
Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

Dari 1 Julai hingga akhir Ogos, prestasi FBM KLCI meneruskan momentum yang positif dan mencatatkan paras tertinggi baharu iaitu 1,810 mata pada 24 Julai 2013 selaras dengan aliran positif di pasaran serantau. Sentimen pelabur dipengaruhi oleh pendapatan korporat AS yang lebih kukuh daripada jangkaan dan jaminan Fed untuk meneruskan rangsangan kewangan dalam jangka masa terdekat. Walau bagaimanapun, pasaran menurun 37.38 mata atau 2% kepada 1,772.62 mata pada 31 Julai 2013 berikutan penurunan taraf unjuran kredit Malaysia oleh Fitch Ratings disebabkan oleh kedudukan fiskal negara. Pasaran terus jatuh sebanyak 45.04 mata lagi berikutan aliran keluar dana asing daripada pasaran Asia termasuk Malaysia akibat jangkaan pengurangan rangsangan monetari oleh Fed dalam masa terdekat. Walaupun pertumbuhan KDNK suku kedua 2013 lebih tinggi, sentimen pelabur terjejas berikutan lebihan akaun semasa negara yang mengecil. Dari akhir Disember 2012 hingga akhir Ogos 2013, FBM KLCI meningkat 38.63 mata atau 2.3% dan ditutup pada 1,727.58 mata (akhir Ogos 2012: 115.38 mata; 7.5%; 1,646.11 mata).

Pada September 2013, FBM KLCI terus mencatatkan kenaikan disokong oleh kejayaan bidaan Jepun untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2020, data perdagangan China yang kukuh serta ancaman serangan AS ke atas Syria yang reda. Pasaran juga dirangsang oleh keputusan Fed yang di luar jangkaan untuk tidak mengurangkan program rangsangan sehingga ekonomi bertambah baik. FBM KLCI ditutup melebihi paras 1,800 mata dengan mencatatkan 1,801.83 mata pada 20 September 2013. Walau bagaimanapun, pasaran menurun sedikit berikutan kebimbangan terhadap perkembangan rundingan bajet negara oleh pengubal undang-undang AS. FBM KLCI ditutup pada 1,768.62 mata pada 30 September 2013 (akhir September 2012: 1,636.66 mata).

Nilai permodalan pasaran meningkat 9.2% kepada RM1,563.9 bilion pada lapan bulan pertama 2013 (akhir Ogos 2012: 15.3%; RM1,431.6 bilion).

Walaupun bagaimanapun, jumlah urus niaga pasaran menurun sebanyak 5.2% kepada 234.7 bilion unit dalam tempoh yang sama (Januari – Ogos 2012: 16.4%; 247.5 bilion unit). Jumlah nilai urus niaga pasaran meningkat 17.5% kepada RM331.4 bilion (Januari – Ogos 2012: -10.7%; RM282 bilion). Halaju pasaran meningkat kepada 33% dan volatiliti pasaran bertambah 8% (Januari – Ogos 2012: 30%; 5.5%). Jumlah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia berkurang kepada 911 pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 921).

Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, Malaysia menerima penarafan yang baik daripada Bank Dunia dalam Laporan Tadbir Urus Korporat mengenai Pematuhan terhadap Standard dan Kod 2012 (ROSC). Malaysia juga telah diiktiraf sebagai pemimpin serantau dalam tadbir urus korporat, dan telah membuat kemajuan besar dalam penambahbaikan kerangka undang-undang dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan tadbir urus korporat. Selain itu, Suruhanjaya Eropah dengan bantuan Kumpulan Badan Pemantauan Juruaudit Eropah telah mengiktiraf kerangka audit Malaysia yang setara dengan amalan terbaik antarabangsa. Pengiktirafan ini memperakui usaha berterusan Malaysia dalam mewajarkan pemantauan audit bebas terhadap entiti kepentingan awam.

Pada 27 Ogos 2013, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dengan kerjasama penggiat industri telah melancarkan Program Wakil Niaga Graduan 1000 (GRP1000), iaitu program khusus dan berstruktur untuk melatih 1,000 graduan sebagai wakil niaga berlesen bagi pasaran modal dalam tempoh tiga tahun akan datang. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan SC membina kemahiran dan kebolehan untuk industri supaya terus memacu perkembangan dalam pasaran modal.

Di peringkat serantau, SC, Lembaga Monetari Singapura dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand melaksanakan Skim Penzahiran Standard ASEAN pada 1 April 2013. Skim ini telah dibangunkan untuk memudahkan penawaran

Rangkaian Dagangan ASEAN

Pelancaran Rangkaian Dagangan ASEAN pada September 2012 merupakan satu lagi pencapaian penting ke arah penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN, yang akan menyaksikan 10 negara anggota menjadi satu komuniti ekonomi bersepadu menjelang 2015. Rangkaian dagangan ini adalah hasil daripada kerjasama tujuh bursa iaitu Bursa Malaysia, Bursa Saham Hanoi, Bursa Saham Hochiminh, Bursa Saham Indonesia, Bursa Saham Filipina, Bursa Singapura dan Bursa Saham Thailand. ASEAN Exchanges telah ditubuhkan dengan misi untuk mewujudkan satu pasaran modal ASEAN yang saling berhubung kait menerusi pelaburan merentas sempadan, mobilisasi dana intra-ASEAN dan dagangan pasaran sekuriti yang lebih besar.

Rangkaian Dagangan ASEAN membolehkan para pelabur mengakses lebih peluang pelaburan dengan lebih mudah dan lancar di kawasan serantau serta syarikat-syarikat yang tersenarai di bursa-bursa saham serantau untuk meneroka kumpulan modal yang lebih luas. Fasa pertama bagi rangkaian ini telah menyaksikan kesalinghubungan antara Bursa Malaysia dengan Bursa Singapura pada 18 September 2012 dan diikuti dengan Bursa Saham Thailand pada 15 Oktober 2012. Bursa-bursa saham yang lain akan menyertai rangkaian ini mengikut kesediaan bursa masing-masing memandangkan tahap pembangunan setiap bursa adalah berbeza, bergantung kepada rangka kerja teknikal dan peraturan mereka.

Ketujuh-tujuh Bursa ini mempunyai gabungan permodalan pasaran bernilai melebihi USD2 trilion dan lebih daripada 3,000 syarikat yang telah disenaraikan. Laman web ASEAN Exchanges (www.aseanexchanges.org) memberikan satu paparan bersepadu bagi pasaran modal ASEAN dengan akses kepada data dan analisis pasaran ASEAN secara agregat serta prestasi bagi ketujuh-tujuh bursa secara individu. Laman web ini telah dibina berdasarkan ASEAN Stars iaitu 180 saham-saham berwajaran tinggi yang terdiri daripada 30 syarikat yang paling menarik bagi setiap negara ASEAN dan dipilih berdasarkan permodalan pasaran dan kecairan.

Bagi mempromosikan lagi ASEAN sebagai satu kelas aset, satu siri jelajah Invest ASEAN 2013 telah diadakan buat pertama kalinya di Bangkok pada 12 Januari 2013 dengan objektif memperkasakan pelabur dengan pengetahuan dan pemahaman mengenai pasaran modal ASEAN serta menambahkan bilangan pelabur runcit serantau. Siri jelajah berikutnya telah diadakan di Singapura pada 2 Februari, Kuala Lumpur pada 2 Mac dan Ho Chi Minh pada 30 Mac 2013. Sebanyak 30 syarikat berwajaran tinggi yang terkemuka dalam setiap pasaran telah dipromosikan semasa siri jelajah tersebut dalam usaha untuk meningkatkan profil pasaran ASEAN sebagai kelas aset berdaya labur tinggi.

ekuiti dan sekuriti hutang biasa rentas sempadan serta menyokong aktiviti pemerolehan dana di rantau ini. Di bawah Skim ini, penerbit perlu menyediakan satu set dokumen penzahiran sahaja yang mematuhi Standard Penzahiran ASEAN, seterusnya meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos. Skim ini ditanda aras dengan standard penzahiran Lembaga Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO) bagi penawaran rentas sempadan. Anggota ASEAN yang lain akan mengguna pakai Skim ini setelah mereka bersedia untuk berbuat demikian berdasarkan prinsip pilihan masuk.

SC telah menandatangani satu siri Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pengawal selia sekuriti Kesatuan Eropah (EU) daripada 24 negara untuk tujuan bekerjasama dalam pengawasan tawaran dana pelaburan alternatif rentas sempadan yang telah berkuat kuasa pada 22 Julai 2013. Seperti yang ditetapkan di bawah Arahan Pengurus-pengurus Dana Pelaburan Alternatif (AIFM) EU, penandatanganan MoU bersetuju untuk menyediakan bantuan bersama dalam penyeliaan dan pengawasan terhadap pengurus dana pelaburan alternatif, delegasi dan depository yang beroperasi atas dasar rentas sempadan

bagi menjaga kepentingan perlindungan pelabur, memupuk integriti pasaran dan kewangan serta mengekalkan keyakinan dan kestabilan sistemik. Pengaturan kawal seliaan ini membuka ruang untuk pengurus dana Malaysia melaksanakan aktiviti pengurusan dana bagi pihak pengurus dana EU untuk mengurus dan memasarkan dana pelaburan alternatif, termasuk ekuiti swasta dan dana infrastruktur di EU. Pada masa yang sama, pengurus dana EU juga dapat mengurus dana pelaburan alternatif Malaysia, seterusnya membuka ruang untuk Malaysia menarik modal antarabangsa daripada pelabur asing.

Pasaran derivatif yang kukuh

Dagangan dalam **pasaran derivatif** meningkat 21.5% kepada 7.3 juta kontrak dalam tempoh lapan bulan pertama 2013 (Januari – Ogos 2012: 6.3%; 5.9 juta kontrak). Perolehan niaga hadapan FBM KLCI (FKLI) dan niaga hadapan minyak sawit mentah (FCPO) merupakan hampir keseluruhan dagangan dalam pasaran derivatif, iaitu merangkumi 99.7% daripada jumlah dagangan (Januari – Ogos 2012: 99.4%). Dagangan bagi niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) adalah minimum manakala niaga hadapan SKM 3-tahun dan 5-tahun serta niaga hadapan saham tunggal tidak didagangkan. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, jumlah dagangan FCPO bertambah 20.6% kepada 5.4 juta kontrak (Januari – Ogos 2012: 13.3%; 4.5 juta kontrak), bersamaan dengan 11.8 juta tan metrik minyak sawit mentah (Januari – Ogos 2012: 12 juta tan metrik). Begitu juga dengan jumlah dagangan FKLI meningkat 26.2% kepada 1.9 juta kontrak (Januari – Ogos 2012: -7.9%; 1.5 juta kontrak).

Prestasi untuk opsyen bagi FKLI (OKLI) mencatatkan penurunan dengan 4,045 kontrak diniagakan pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 5,493 kontrak). Sementara itu, dalam tempoh yang sama, dagangan dalam opsyen bagi FCPO (OCPO) menyaksikan peningkatan ketara sebanyak 2,486 kontrak (akhir 2012: 821 kontrak). Pelabur utama bagi OKLI adalah peniaga

runcit manakala bagi OCPO adalah peniaga institusi. Analisis menunjukkan bahawa jumlah urus niaga pasaran bagi opsyen bertambah mengikut peningkatan volatiliti pasaran. Pada Februari 2013, kemudahan Dagangan Besar Terunding (NLT) telah diperluas kepada OKLI dan OCPO. NLT adalah satu kemudahan dagangan luar pasaran yang membolehkan pedagang untuk membuat urus niaga bersaiz besar di luar sistem dagangan melalui broker niaga hadapan mereka.

Prestasi unit amanah menggalakkan

Industri unit amanah merekodkan pelancaran 8 dana baharu sepanjang lapan bulan pertama 2013, menjadikan jumlah keseluruhan dana kepada 597 (akhir 2012: 2 dana baharu; 589 dana). Jumlah unit dalam edaran meningkat 6.9% kepada 375.7 bilion unit, manakala bilangan akaun meningkat 3.2% kepada 16.6 juta akaun (akhir 2012: 11.1%, 351.6 bilion unit; 4.4%,

JADUAL 5.9

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013
Bilangan syarikat pengurusan	40	40
Bilangan dana yang dilancarkan	589	597
Konvensional	420	421
Islam	169	176
Unit dalam edaran (bilion)	352	376
Bilangan akaun (juta)	16	17
Nilai aset bersih (NAV) (RM bilion)	295	324
Konvensional	260	286
Islam	35	38
Permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	20.1	20.7

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Skim Persaraan Swasta

Skim Persaraan Swasta (PRS) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada Julai 2012 adalah satu pencapaian penting bagi Malaysia dan pasaran modal. PRS yang merupakan tunggak ketiga dalam Kerangka Keselamatan Sosial dan Persaraan bermatlamat memberikan saluran tambahan kepada pekerja dan mereka yang bekerja sendiri di Malaysia bagi menyimpan untuk persaraan mereka. Dalam usaha untuk menguatkuasakan Skim ini, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (CMSA) telah dipinda pada Oktober 2011 bagi menyediakan kerangka perundangan untuk mengawal dan menyelia peserta dan komponen utama dalam industri PRS.

Pindaan akta ini diikuti dengan penerbitan satu garis panduan dan peraturan, iaitu Peraturan Kelayakan bagi Penyedia Skim Persaraan Swasta. Garis panduan ini menetapkan jangkaan dan keperluan bagi pihak yang berminat dan berkelayakan untuk memohon menjadi penyedia PRS. Manakala, Garis Panduan Skim Persaraan Swasta menetapkan peraturan pengawalseliaan dan pengoperasian yang perlu dipatuhi oleh penyedia dan pemegang amanah skim PRS serta pelaburan oleh skim PRS.

Pada April 2012, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah meluluskan permohonan lapan penyedia PRS pada April 2012. Manakala, Pentadbir Pencen Swasta telah ditubuhkan pada Julai 2012 yang bertindak sebagai pusat penyimpanan semua transaksi yang dibuat oleh pencarum kepada skim persaraan swasta dalam negara ini dan menyediakan sistem pentadbiran yang cekap bagi keseluruhan industri persaraan swasta.

Set pertama skim ini yang mengandungi 24 dana telah diluluskan oleh SC dan telah ditawarkan kepada orang ramai mulai November 2012. Sejak itu, sebanyak 10 skim dengan 36 dana persaraan telah dilancarkan. Pada akhir Ogos 2013, nilai aset bersih mencecah RM147.3 juta dengan melibatkan 36,663 ahli PRS.

Bagi menggalakkan penyertaan dalam PRS, individu diberikan pelepasan cukai sehingga RM3,000. Selain itu, majikan diberikan potongan cukai ke atas caruman yang dibuat bagi pihak pekerja yang melebihi kadar yang diwajibkan dan sehingga 19% gaji pekerja. Pengecualian cukai juga diberikan ke atas pendapatan yang diterima daripada dana PRS.

Pada 25 Jun 2013, SC telah menganjurkan Persidangan PRS pertama untuk membincangkan prospek pertumbuhan industri pencen swasta dengan perkongsian maklumat oleh pakar mengenai pencen dari Australia, Amerika Syarikat dan Hong Kong. Persidangan PRS selama satu hari melibatkan lebih 300 syarikat tersenarai awam dari pelbagai industri, Syarikat Berkaitan Kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana, serta majikan dan pertubuhan perdagangan bagi mempromosikan manfaat PRS sebagai sebahagian daripada strategi bagi mengekalkan pekerja berbakat.

16.1 juta akaun). Saiz industri unit amanah dari segi nilai aset bersih (NAV) meningkat 9.8% kepada RM323.8 bilion pada akhir Ogos 2013 yang merangkumi 20.7% daripada permodalan pasaran di Bursa Malaysia (akhir 2012: 18.2%; RM294.9 bilion; 20.1%). Dana ekuiti merupakan dana pilihan utama pelabur dengan jualan bersih sebanyak RM17.9 bilion diikuti oleh dana

pasaran wang dengan jumlah jualan RM2.8 bilion (Januari – Ogos 2012: RM13.7 bilion; RM3.3 bilion). Dana borong menyaksikan pelancaran 14 dana baharu yang menjadikan jumlah keseluruhan 185 (akhir 2012: 38 dana baharu; 171 dana) dengan nilai NAV yang lebih tinggi sebanyak RM58.5 bilion (akhir 2012: RM52.5 bilion).

Dari Januari hingga Ogos 2013, 22 dana global baharu telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran luar negeri (Januari – Ogos 2012: 21 dana baharu). Dalam tempoh tersebut, 18 dana global telah melabur RM1.4 bilion dalam pasaran luar negeri (Januari – Ogos 2012: 13 dana; RM1.4 bilion). Secara keseluruhan, 285 dana telah melabur dalam pasaran luar negeri dengan pelaburan sebanyak RM21.7 bilion yang merupakan pendedahan sebanyak 6.7% daripada jumlah NAV industri kepada risiko asing (akhir 2012: 279 dana; RM16.9 bilion; 5.8%).

Industri amanah pelaburan harta tanah (REIT) terus berkembang sepanjang lapan bulan pertama 2013. Pada Mac 2013, satu permohonan REIT telah diluluskan menjadikan 17 REIT tersenarai di Bursa Malaysia pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 16 REIT). Sepanjang tempoh itu, jumlah dagangan meningkat 62% kepada 2 bilion unit, manakala nilai dagangan meningkat dengan ketara sebanyak 117.5% kepada RM3.6 bilion (Januari – Ogos 2012: 50.5%, 1.3 bilion unit; 68.2%, RM1.6 bilion). Pada akhir Ogos 2013, jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM35 bilion (akhir 2012: RM24.6 bilion). Manakala jumlah NAV adalah RM28.2 bilion pada akhir Jun 2013 (akhir 2012: RM20.4 bilion).

Pada akhir Ogos 2013, lima **dana dagangan bursa (ETF)** kekal tersenarai di Bursa Malaysia sementara jumlah permodalan pasaran meningkat kepada RM1 bilion (akhir 2012: 5 ETF; RM0.9 bilion). Jumlah urus niaga juga meningkat 10.1% kepada 114.3 juta unit (Januari – Ogos 2012: -39.2%; 103.8 juta unit), sementara nilai dagangan bertambah 16.7% kepada RM124.9 juta. (Januari – Ogos 2012: -39.5%; RM107.1 juta).


Pelaburan VC terus kekal

Industri modal teroka (VC) kekal menjadi sumber penting pembiayaan bagi syarikat pertumbuhan tinggi yang baru membangun. Pada akhir 2012, bilangan syarikat modal teroka (VCC) berdaftar

meningkat kepada 59, manakala jumlah syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) meningkat kepada 53 (akhir 2011: 56 VCC; 52 VCMC). Jumlah pelaburan VC mengikut sektor menurun 9.1% kepada RM0.2 bilion pada akhir 2012 (akhir 2011: -44.2%; RM0.3 bilion) dengan sektor pembuatan mencakupi 45%; sains hayat, 26.4%; dan teknologi maklumat dan komunikasi, 7%. Sementara itu, dari segi nilai pelaburan VC mengikut peringkat, sebahagian besar dana digunakan untuk pengembangan/pertumbuhan syarikat (45.2%) dan peringkat perantaraan/pa-IPO (32.2%). Jumlah dana komited meningkat 4.4% kepada RM5.7 bilion dengan agensi kerajaan kekal sebagai sumber utama berjumlah RM3.1 bilion atau 54.1% daripada keseluruhan dana komited pada akhir 2012 (akhir 2011: -8.4%, RM5.5 bilion; RM3 bilion, 54.1%). Pada masa ini, terdapat tujuh VCC dan lima VCMC berasaskan konsep Islam.

CARTA 5.13

Sumber Dana Modal Teroka



Nota: Angka tidak semestinya terjemulah disebabkan penggenapan.
Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Langkah Utama Pasaran Modal

Beberapa langkah telah dilaksanakan dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, untuk meningkatkan lagi tahap kecairan dan kecekapan pasaran modal, seperti berikut:

- Pada **2 Januari**, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 (CMSA 2012) telah dikuatkuasakan berserta dengan beberapa garis panduan yang bertujuan untuk menggalakkan inovasi produk dan pasaran, mempertingkatkan kecekapan pasaran dan membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat:
 - Satu rangka kerja kelulusan baharu bagi membezakan antara produk pasaran modal yang tersenarai dan tidak tersenarai dengan ciri-ciri tersendiri dan tahap risiko yang berbeza, dan mempunyai tahap kawal selia yang sesuai dengan tahap risiko sesuatu produk. Rangka kerja ini akan mempertingkatkan kecekapan dalam proses kelulusan tanpa menjejaskan perlindungan pelabur.
 - Garis Panduan Amanah Perniagaan yang meningkatkan fleksibiliti dalam penjanaan dana serta memberi peluang kepada pelabur untuk melabur dalam kelas aset yang baharu.
 - Semakan semula Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta dan Sukuk untuk membenarkan syarikat tersenarai awam dan bank-bank menawarkan bon dan sukuk kepada pelabur runcit.
 - Garis Panduan Amalan Jualan Produk Pasaran Modal Tak Tersenarai untuk menggalakkan amalan bertanggungjawab dalam pembangunan dan penjualan produk pasaran modal tidak tersenarai.
 - Penubuhan Dana Pampasan Pasaran Modal yang bergabung dengan peluasan skop untuk meliputi skim persaraan swasta serta tuntutan terhadap kesilapan penjualan produk.
- Pada **3 Januari**, Bursa Malaysia telah melaksanakan satu landasan pengawasan “pasaran silang” bersepadu bagi kedua-dua pasaran ekuiti dan derivatif, untuk meningkatkan perlindungan kepada pelabur dan memastikan pasaran yang saksama dan teratur. Pelaksanaan landasan ini juga selaras dengan perluasan usaha Bursa Malaysia bagi mewujudkan persekitaran perdagangan yang lebih memudahkan pelabur.
- Pada **28 Februari**, Bursa Malaysia Securities Berhad telah membuat pindaan kepada Peraturannya untuk memperkenalkan beberapa langkah liberalisasi dan menerima pakai rejim yang lebih berasaskan prinsip dalam peraturan pasaran, yang mana bersesuaian. Pindaan ini membolehkan Organisasi Penyertaan atau broker sekuriti untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan mereka serta tidak mengabaikan objektif kawal selia. Peraturan yang dipinda berkuat kuasa mulai 2 Mei 2013.
- Pada **25 Mac**, Bursa Malaysia meminda peraturannya untuk memudahkan penyenaraian amanah perniagaan di Pasaran Utama. Syarikat perniagaan dengan pertumbuhan dan aliran tunai yang stabil kini boleh memilih amanah perniagaan sebagai struktur alternatif untuk menjana modal melalui tawaran awam awal di Malaysia.
- Pada **25 Mac**, Bursa Malaysia juga meminda Keperluan Penyenaraian (LR) Pasaran Utama untuk memudahkan penyenaraian skim pelaburan kolektif asing yang berkelayakan seperti dana dagangan bursa asing atau amanah perniagaan asing yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, di Pasaran Utama.
- Pada **28 Mac**, Bursa Malaysia telah melancarkan eRights untuk memudahkan langganan dan pembayaran secara elektronik apabila melangani terbitan hak serta ePerkhidmatan Langganan Hak Penama untuk memudahkan langganan hak dan pembayaran elektronik bagi syarikat-syarikat nominee.
- Pada **5 April**, “Dasar Lorong Hijau” telah diperkenalkan bagi memendekkan masa broker ekuiti ke pasaran untuk memulakan aktiviti baharu mereka, termasuk pembukaan cawangan baharu atau kemudahan akses elektronik, penyediaan pembiayaan margin dan permulaan dagangan empunya. Dasar ini berkuat kuasa mulai 2 Mei 2013.
- Pada **8 Mei**, Bursa Malaysia telah membuat pindaan kepada LR Pasaran Utama untuk memudahkan penyenaraian sekuriti bergabung. Sekuriti bergabung merujuk kepada satu pengaturan yang melibatkan jenis sekuriti yang berbeza disenaraikan dan didagangkan sebagai satu sekuriti. Pindaan juga telah dibuat bagi LR Pasaran Utama dan Pasaran ACE untuk mengukuhkan rangka kerja bagi tindakan penguatkuasaan, terutamanya dalam pendekatan dan proses untuk tindakan penguatkuasaan.

Perkembangan Kewangan Islam

Mempromosikan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam

Promosi **kewangan Islam** diteruskan dengan usaha dan komitmen lebih ketara untuk meningkatkan dan memudahkan urusan niaga kewangan Islam merentas sempadan dengan komuniti kewangan global yang lain. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dalam kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa untuk terus meletakkan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam. Aktiviti domestik termasuk menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) ke-10 di Kuala Lumpur pada 16 Mei 2013, dengan tema “Masa Depan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam: Daya Tahan, Kestabilan dan Pertumbuhan Inklusif”, untuk mengkaji dasar pengawalseliaan yang menyokong pertumbuhan inklusif dengan kestabilan; Siri Bengkel Kewangan Islam bagi Para Hakim yang telah diadakan pada 28 dan 29 Jun 2013 dengan tema “Mengendalikan Kes Perbankan Islam”; dan Persidangan Persatuan Kewangan Malaysia ke-15 dalam bulan Jun dengan tema “Cabaran Kewangan Dan Pertumbuhan Ekonomi – Hala Tuju Masa Hadapan”.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah bekerjasama dengan beberapa negara untuk mempromosikan lagi pembangunan kewangan Islam. BNM dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam memeterai memorandum persefahaman pada 3 April 2013 untuk mewujudkan sebuah rangka kerja bersama ke arah meningkatkan kerjasama dalam pembangunan sektor perkhidmatan kewangan, termasuk kewangan Islam. Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), dengan kerjasama Islamic Research and Training Institute (IRTI) dan Universiti Durham, telah menganjurkan secara bersama *ISRA-IRTI-Durham University Strategic Roundtable Discussion* ke-3 di Jeddah dengan tema, “*Risk Sharing in Theory and Practice: Fiqhi Evidence vis-à-vis Current Reality*”. Sementara itu, Dialog Cendekiawan Syariah Serantau ke-7 bertemakan “Ujrah: Isu dan Aplikasi dalam Kewangan Islam” telah diadakan di Singapura pada 29 dan 30 Mei 2013. Mesyuarat bilateral di antara BNM dan Hong

Kong Monetary Authority yang telah diadakan pada 28 Ogos membincangkan penubuhan forum bersama yang diterajui sektor swasta bagi memajukan perkembangan kewangan Islam di Hong Kong. Forum ini dijangka membuka peluang perniagaan baharu dalam kewangan Islam di kedua-dua negara.

Pada Januari 2013, SC telah memberi kelulusan kepada sebuah syarikat konglomerat multinasional Malaysia, yang merupakan salah satu pemain perladangan terbesar di dunia yang juga terlibat dalam pembangunan, harta tanah, tenaga dan utiliti serta penjagaan kesihatan untuk menjalankan sebuah Program Penerbitan Sukuk Pelbagai Mata Wang bernilai USD1.5 bilion. Program sukuk di bawah prinsip Syariah Ijarah yang mendapat pengiktirafan antarabangsa adalah yang pertama seumpamanya bagi sebuah syarikat korporat Asia. Program ini yang mendapat penarafan korporat A daripada Standard & Poor's, A daripada Fitch Ratings dan A3 daripada Moody's, adalah lebih tinggi atau setara dengan penarafan kerajaan Malaysia. Program sukuk ini menyediakan ketangkasan kewangan yang lebih kukuh kepada pihak korporat bagi memenuhi keperluan pembiayaan apabila perniagaannya berkembang di peringkat global. Ia juga membolehkan syarikat tersebut untuk meneroka kumpulan pelabur yang lebih luas, sama ada pelabur konvensional atau Islam, dari Asia, Timur Tengah dan Eropah. Terbitan sulung sukuk bernilai USD800 juta dengan tempoh matang 5-tahun dan 10-tahun telah terlebih langganan melebihi 10 kali. Pelabur Asia melanggan 70% daripada jumlah sukuk yang diterbitkan. Penerbitan sukuk ini mencatat sejarah dengan kadar kupon terendah oleh mana-mana syarikat korporat di peringkat global dalam pasaran sukuk dalam nilai dolar AS; kadar kupon dolar AS terendah dalam format sukuk oleh penerbit Asia; dan kadar kupon terendah oleh penerbit Malaysia dalam pasaran dalam nilai dolar AS bagi kedua-dua tempoh matang 5-tahun dan 10-tahun.

Pada 1 Ogos 2013, pasaran kewangan Islam Malaysia telah diperkenalkan dengan identiti jenama baharu, iaitu “Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia”, dan meletakkan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam dunia. Langkah ini

merupakan kemuncak usaha bersepadu komuniti industri kewangan Islam untuk membangunkan kewangan Islam di Malaysia, sejak ia mula beroperasi 30 tahun yang lalu, kepada sebuah pasaran kewangan Islam yang komprehensif dan canggih. Komponen utama Pasaran ini termasuk perbankan Islam, pasaran modal Islam, takaful dan takaful semula, pasaran wang Islam, khidmat bantuan profesional, infrastruktur pembangunan tenaga mahir serta dana pengurusan dan kekayaan Islam. Pasaran ini terbuka kepada peserta industri global dan peserta pasaran untuk bekerjasama dan saling mendapat manfaat daripada persekitaran perniagaan yang sangat kondusif dengan inovasi, kepakaran dan aktiviti pelaburan yang aktif.

Pada Ogos 2013, Perbadanan Pengurusan Kecairan Islam Antarabangsa (IILM) yang berpusat di Kuala Lumpur dan ditubuhkan oleh sembilan bank pusat/ pihak berkuasa monetari dan Bank Pembangunan Islam, telah menerbitkan sukuk pertamanya dalam nilai dolar AS dengan tempoh matang 3 bulan yang berjumlah USD490 juta. Sukuk yang disokong oleh aset kerajaan telah diberi penarafan A1 oleh Standard & Poor's dan dilanggan sepenuhnya oleh wakil jualan utama. Sukuk jangka pendek IILM memenuhi permintaan pasaran bagi instrumen patuh Syariah jangka pendek yang berpenarafan tinggi serta mudah tunai rentas sempadan. Sukuk tersebut melengkapi sukuk jangka pertengahan dan jangka panjang yang kini berada di pasaran. Dengan mewujudkan instrumen kewangan patuh Syariah yang lebih cair untuk Institusi yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam (IIFS), IILM akan meningkatkan aliran pelaburan merentas sempadan, hubungan antarabangsa dan kestabilan kewangan.

Pasaran modal Islam berkembang

Pasaran modal Islam terus menjadi sumber penting pembiayaan melalui terbitan sukuk serta menyediakan peluang kepada syarikat korporat untuk meneroka sumber kecairan baharu di rantau ini. Pada akhir Ogos 2013, sebanyak 799 sekuriti patuh Syariah tersenarai di Bursa Malaysia, mewakili 87.7% jumlah sekuriti tersenarai dengan permodalan pasaran sebanyak RM995.7 bilion atau 63.7% jumlah permodalan pasaran (akhir


2012: 813 sekuriti, 88.3%; RM942.2 bilion, 64.3%). Dalam tempoh lapan bulan pertama 2013, jumlah dagangan sekuriti patuh Syariah meningkat kepada 197.5 bilion unit, mewakili 81% daripada 243.9 bilion unit yang didagangkan (Januari – Ogos 2012: 189 bilion unit; 76.4%; 247.5 bilion unit didagangkan). Malaysia kekal menjadi peneraju global dalam pasaran sukuk, merangkumi 70.5% daripada USD75 bilion sukuk baharu yang diterbitkan di peringkat global dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Malaysia juga domisil bagi 63.6% daripada USD275.2 bilion sukuk terkumpul global pada akhir Ogos 2013. Sementara itu, Bursa Malaysia mengekalkan kedudukan teratas dengan penyenaraian sukuk bernilai USD32.3 bilion atau RM106.6 bilion dan jumlah sukuk tersenarai sebanyak 19 (akhir Ogos 2012: USD31.7 bilion; RM99.4 bilion; 19 sukuk). Begitu juga Bursa Suq Al-Sila' yang merupakan platform dagangan komoditi patuh Syariah telah menarik minat asing yang semakin meningkat terutamanya dari Timur Tengah. Pada akhir Ogos 2013, sejumlah 74 peserta Bursa Malaysia Islamic Services yang telah didaftarkan terdiri daripada 56 peserta dagangan komoditi, 14 peserta pembekal komoditi dan empat peserta pelaksana komoditi. Sehingga Ogos 2013, komoditi bernilai RM311.8 bilion telah ditawarkan dan RM579.4 bilion telah didagangkan.

Malaysia kekal menjadi antara peneraju global dalam industri pengurusan dana Islam. Dengan kelulusan permohonan oleh sebuah syarikat pengurusan dana Islam yang berpusat di AS pada Mei 2013, jumlah syarikat pengurusan dana Islam menjadi 19 (akhir 2012: 18 syarikat). Dalam tempoh yang sama, tujuh dana unit amanah Islam dan tujuh dana borong Islam telah dilancarkan menjadikan jumlah dana unit amanah Islam sebanyak 176 dan dana borong Islam sebanyak 48 (akhir 2012: 169 dana unit amanah Islam; 41 dana borong Islam). Pada akhir Ogos 2013, jumlah keseluruhan NAV bagi dana unit amanah Islam adalah RM38 bilion dan dana borong Islam RM15.8 bilion (akhir 2012: RM35 bilion; RM16.2 bilion). Manakala, bilangan REIT Islam meningkat kepada empat dengan permodalan pasaran sebanyak RM15.6 bilion pada akhir Ogos 2013 (akhir 2012: 3 REIT; RM3.5 bilion, sementara jumlah nilai permodalan pasaran satu ETF Islam kekal pada RM0.3 bilion seperti akhir 2012).

CARTA 5.14

Terbitan Sukuk Baharu Mengikut Negara

(% bahagian)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Pada 8 Januari, Bon dan Sukuk Dagangan Bursa (ETBS) telah dilancarkan bagi mewujudkan satu kelas aset baharu yang telah dibuka untuk pelaburan awam/runcit sehingga penutupan buku pada 25 Januari 2013. ETBS adalah sekuriti pendapatan tetap tersenarai yang menawarkan pulangan yang telah ditentukan dalam bentuk kupon dibayar secara tetap. Bon/sukuk yang sebelum ini merupakan domain pelabur institusi dan individu yang bernilai bersih tinggi, telah ditawarkan buat pertama kalinya kepada pelabur runcit dengan modal minimum sebanyak RM1,000 untuk mula melabur dalam kelas aset baharu ini. Terbitan sulung ETBS atau Sukuk Runcit DanaInfra oleh DanaInfra Nasional Berhad berjumlah RM300 juta dengan tempoh matang 10 tahun dan akan digunakan untuk membiayai sebahagian projek MRT. Dengan demikian, rakyat Malaysia diberi peluang untuk melabur dalam infrastruktur pengangkutan utama negara. Bagi menggalakkan lagi dagangan ETBS di Bursa Malaysia, pelabur akan menikmati pembayaran kupon tanpa dikenakan cukai, dan seterusnya memberikan pulangan yang lebih baik

kepada ETBS. Kerajaan juga telah meluluskan penggunaan Akaun 1 KWSP pelabur bagi pelaburan dalam instrumen ETBS atau bon dan sukuk Kerajaan serta jaminan Kerajaan.

Perbankan Islam terus bertumbuh

Industri **perbankan Islam** telah menunjukkan pertumbuhan ketara dalam tempoh lima tahun yang lalu, dengan peningkatan dua kali ganda aset daripada RM251 bilion pada tahun 2008 kepada RM494.6 bilion pada tahun 2012. Pada akhir Ogos 2013, bahagian pasaran aset perbankan Islam (termasuk IKP) meningkat kepada 24.4% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir 2012: 23.8%). Aset perbankan Islam berkembang 13% kepada RM542.5 bilion (akhir 2012: 15.4%; RM494.6 bilion). Jumlah deposit meningkat 12.7% kepada RM416 bilion dan mencakupi 30.4% daripada jumlah deposit dalam sistem perbankan (akhir 2012: 14.3%; RM386.2 bilion; 25.6%). Jumlah pembiayaan Islam terus berkembang 16.6% kepada RM348.4 bilion dan mewakili 26.9%

JADUAL 5.10

Perbankan Islam¹: Penunjuk Utama

	RM bilion		Perubahan (%)	
	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013	Akhir 2012	Akhir Ogos 2013
Aset	494.6	542.5	15.4	13.0
Depositi	386.2	416.0	14.3	12.7
yang mana:				
Pelaburan	180.0	170.2	10.1	-5.4
Tabungan	33.0	34.3	24.2	10.3
Permintaan	56.9	55.8	16.3	7.1
Lain-lain	116.3	155.8	18.6	46.8
Pembiayaan	315.0	348.4	17.4	16.6
yang mana:				
Pembuatan	18.0	17.4	13.0	1.6
Pembinaan	14.1	16.0	34.6	15.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	17.1	17.1	31.1	16.0
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	15.1	17.3	28.6	16.7
Isi rumah	198.5	229.8	13.1	18.4

¹ Termasuk institusi kewangan pembangunan (IKP)

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan (akhir 2012: 17.4%; RM315 bilion; 25.8%).

Sektor isi rumah kekal mewakili sebahagian besar daripada pembiayaan Islam pada 65.9% (akhir 2012: 63%). Sementara itu, sektor pembuatan mencakupi 5% atau RM17.4 bilion (akhir 2012: 5.7%; RM18 bilion), diikuti oleh sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan pada 4.9% atau RM17.1 bilion (akhir 2012: 5.4%; RM17.1 bilion) dan sektor pembinaan pada 4.6% atau RM16 bilion (akhir 2012: 4.5%; RM14.1 bilion).

Industri takaful terus bertambah baik

Industri takaful terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2013. Pada akhir Ogos 2013, aset industri takaful berkembang 10.7% kepada RM20.4 bilion (akhir 2012: 8.8%; RM19


bilion), mencakupi 9.3% jumlah aset industri insurans dan takaful. Sebahagian besar aset yang dipegang adalah dalam bentuk sukuk (45.8%) serta tunai dan deposit (15%). Dalam tempoh ini, keuntungan keseluruhan industri berjumlah RM1.7 bilion.

Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan bagi perniagaan **takaful keluarga** berkurang kepada RM1.5 bilion (Januari – Ogos 2012: RM1.7 bilion) disebabkan oleh kerugian modal yang lebih tinggi dan manfaat sijil bersih yang dibayar setakat ini. Kadar penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga meningkat kepada 13.9% (akhir 2012: 13.1%).

Keuntungan operasi bagi perniagaan **takaful am** meningkat 24.3% kepada RM221.1 juta (Januari – Ogos 2012: 3.7%; RM177.9 juta) dengan penambahan keuntungan pengunderaitan hasil daripada caruman yang lebih tinggi dan tuntutan bersih yang lebih rendah. Caruman langsung

CARTA 5.15

Aset Kumpulan Wang Takaful¹ (% bahagian)



¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga dan am.

² Pelaburan lain = Pelaburan harta tanah + lain-lain.

³ Aset lain = Aset tetap + pembiayaan + aset asing + lain-lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	2012	2013 Jan – Ogos
Takaful keluarga		
Perniagaan baharu		
Jumlah caruman (RM bilion)	3.5	2.0
Jumlah penyertaan (RM bilion)	14.7	11.6
Bilangan sijil (unit)	884,269	604,293
Perniagaan berkuat kuasa		
Caruman tahunan (RM bilion)	2.4	2.6
Jumlah penyertaan (RM bilion)	14.3	14.3
Bilangan sijil (unit)	3,852	4,072
Takaful Am		
Caruman langsung kasar (RM bilion)	1.7	1.3
Caruman bersih (RM bilion)	1.3	1.0

Sumber: Bank Negara Malaysia.

kasar takaful am meningkat 9.4% kepada RM1.3 bilion (Januari – Ogos 2012: RM1.2 bilion) dipacu oleh perniagaan takaful kebakaran, motor dan kemalangan diri. Nisbah tuntutan keseluruhan industri bertambah baik kepada 55.9%, sebahagiannya disebabkan oleh tuntutan kena dibayar bersih yang lebih rendah.

Dalam menyokong pengoperasian IFSA, Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko Bagi Pengendali Takaful telah dikemas kini pada 26 Jun 2013. Rangka kerja tersebut yang pada asalnya dikeluarkan pada 30 Oktober 2012, menggariskan keperluan modal yang sensitif terhadap profil risiko setiap pengendali takaful. Rangka kerja ini dijadualkan untuk pelaksanaan penuh mulai 1 Januari 2014 selepas tempoh pelaksanaan selari selama setahun. Pengemaskinian ini bertujuan untuk mengukuhkan tahap kehematan serta keselamatan dan keutuhan pengendali takaful.

Penambahbaikan juga dibuat kepada Garis Panduan Rangka Kerja Operasi Takaful dengan mengambil kira keputusan terkini oleh Majlis

Penasihat Syariah berkenaan pengagihan lebih daripada Dana Risiko Peserta kepada pengendali takaful. Garis panduan ini juga dikemas kini untuk menggabungkan dasar-dasar yang berkaitan dari Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996 yang dimansuhkan pada 30 Jun 2013 untuk memastikan penguatkuasaan berterusan ke atas dasar-dasar berkaitan takaful dengan pelaksanaan IFSA.

Prospek 2014

Pertumbuhan ekonomi global dijangka mengukuh secara sederhana pada 2014 memandangkan beberapa negara maju telah keluar dari kemelesetan berikutan langkah rangsangan yang diambil telah memberi kesan yang positif secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, ekonomi membangun yang berkembang pesat terus terdedah kepada kesan penarikan semula langkah rangsangan terutamanya oleh AS. Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia dijangka bertumbuh antara 5% dan 5.5% disokong oleh permintaan domestik. Memandangkan sektor luar dijangka mengalami kelembapan, pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh penggunaan swasta yang berdaya tahan dan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dijalankan. Dengan institusi kewangan domestik dan rizab yang lebih kukuh, ekonomi negara berupaya mengatasi sebarang keterdedahan. Kadar inflasi dijangka stabil. Dasar kewangan akan terus memberi tumpuan kepada mempromosikan kestabilan harga dan menyokong pengembangan aktiviti ekonomi.

Pelan Sektor Kewangan (2011-2020) dan Pelan Induk Pasaran Modal 2 (2011-2020) dijangka akan terus memacu pembangunan sektor kewangan domestik termasuk pengembangan dan pengantarabangsaan kewangan Islam. Sementara negara beralih ke arah ekonomi dengan nilai tambah dan berpendapatan tinggi, sektor kewangan akan memainkan peranan penting dalam memacu bidang pertumbuhan baharu dan memudahkan transformasi ekonomi. Sehubungan dengan itu, faktor kejayaan yang kritikal adalah memastikan bekalan kumpulan tenaga berkemahiran tinggi yang besar.